

22 APR 1999

Fokus-Keadilan

KEADILAN: KEMUNCULANNYA TIDAK MUNGKIN GUGAT BN

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; -- Kemunculan parti baru, Parti Keadilan Nasional, yang diterajui isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, nampaknya tidak merungsingkan pemimpin atau penyokong Umno khususnya dan Barisan Nasional amnya.

Pemimpin-pemimpin BN rata-rata percaya penampilan Keadilan ketika negara sedang diambang pilihan raya umum, sekadar untuk menjadi saluran melepas geram sekelompok penyokong Anwar ke atas pemimpin-pemimpin BN, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini berikutan tindakan Dr Mahathir memecat Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September tahun lepas, penyingkirannya daripada Umno pada 3 September, penangkapan serta penahanannya pada 20 September dan seterusnya pemenjaraannya selama enam tahun kerana empat kesalahan rasuah 14 April lalu.

Seorang pemimpin veteran Umno, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yakin Keadilan tidak akan mendatangkan mudarat kepada parti itu dan parti-parti komponen BN yang lain, serta tidak mungkin berupaya menumbangkan kerajaan yang diterajui BN, walaupun dengan membentuk satu pakatan dengan parti-parti pembangkang yang lain bagi menghadapi pilihan raya umum itu kelak.

Wan Mokhtar yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, keyakinan BN itu berasaskan hakikat sejarah bahawa hampir semua parti serpihan Umno dan parti pembangkang utama iaitu PAS gagal menunjukkan prestasi yang baik dan akhirnya berkubur atau dilupakan orang.

Wan Mokhtar mempunyai kredibiliti untuk bercakap demikian kerana beliau telah berada di persada politik tanahair sejak sekian lama dan menjadi saksi kepada pelbagai kemelut yang dihadapi Umno, jatuh bangun banyak pemimpinnya dan kelahiran serta kematian beberapa buah parti politik serpihan Umno atau PAS.

Menurutnya, Parti Negara mampu bertahan hanya selama beberapa tahun pada lewat 1950an walaupun ia diterajui oleh pengasas Umno sendiri Datuk Onn Jaafar.

Parti Berjasa dan Hamim yang masing-masing diasaskan oleh pemimpin besar PAS iaitu Allahyarham Datuk Muhammad Nasir dan Allahyarham Tan Sri Mohd Asri Muda, masing-masing pada 1977 dan 1982, juga mengalami nasib yang hampir sama, kini dalam keadaan hidup sekan mati tak mahu.

Situasi serupa juga menimpa dua buah lagi parti serpihan PAS iaitu Angkatan Keadilan Islam (AKIM) dan Islah, yang masing-masing ditubuhkan menjelang pilihan raya umum 1982 dan 1990.

Sebuah lagi parti serpihan Umno yang menerima nasib serupa ialah Parti Melayu Semangat 46 (S46), walaupun ia diasaskan oleh seorang tokoh berpengaruh iaitu bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah beberapa bulan sebelum menjelang pilihan raya umum 1990.

Menurut Wan Mokhtar, walaupun ia turut menyumbang kepada kejatuhan kerajaan BN Kelantan dan kemenangan beberapa calon Pas di beberapa negeri lain pada 1990, S46 terpaksa dibubarkan pada Oktober 1996 setelah Tengku Razaleigh menyedari bahawa tidak ada lagi ruang bagi parti itu untuk berkembang luas di luar kawasan pangkalan politik beliau sendiri iaitu Kelantan.

Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya kini telah kembali ke pangkuan Umno.

"Sejarah menunjukkan majoriti orang Melayu tidak begitu berminat dengan kehadiran parti alternatif lain selain daripada Umno atau sedikit sebanyak

lagi Pas," kata Wan Mokhtar lagi.

Beliau yakin, jika Tengku Razaleigh yang membawa bersama-samanya banyak tokoh berpengaruh Umno di samping puluhan ribu penyokong gagal menumbangkan BN, tentulah lebih sukar bagi Wan Azizah dan parti Keadilannya untuk berbuat lebih daripada itu.

Keyakinan beliau disokong Tengku Razaleigh sendiri yang berpendapat Keadilan langsung tidak mempunyai pemimpin berpengalaman dan sokongan akar umbi.

Ketika menubuhkan Semangat 46 dulu, Tengku Razaleigh bukan sahaja mendapat sokongan Bapa Kemerdekaan Malaysia Tunku Abdul Rahman Putera dan bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn, bahkan turut diikuti bersama tokoh-tokoh politik berpengaruh termasuk Datuk Dr Rais Yatim (bekas Menteri Luar), Datuk Harun Idris (bekas Menteri Besar Selangor), Datuk Suhaimi Kamaruddin (bekas Ketua Pemuda Umno), Datuk Manan Othman (bekas Menteri Pertanian), Datuk Radzi Sheikh Ahmad (bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama), Haji Ibrahim Azmi (bekas anggota Parlimen Kuala Nerus), Hajah Marina Yusof (bekas anggota Majlis Tertinggi Umno) dan Datuk Zakaria Abdul Rahman (bekas Timbalan Menteri Buruh).

Wan Mokhtar juga tidak yakin dengan dakwaan kononnya Keadilan mewakili kepentingan pelbagai kaum di negara ini, kerana kelahirannya semata-mata atas desakan segelintir penyokong untuk memulihkan kerjaya politik Anwar.

Sambil menyuarakan pendapat yang sama dengan Tengku Razaleigh tentang sukarnya untuk menyelenggarakan sesebuah parti politik, Wan Mokhtar berkata, mengasaskan sebuah parti politik sama seperti mendirikan sebuah rumah, yang mesti mempunyai tiang atau lantai yang teguh.

"Rumah tidak akan tahan lama kalau tiangnya sekadar batang sagu," katanya, menyamakannya dengan penubuhan Keadilan yang menurutnya diasaskan kepada kemarahan dan dendam yang membara kepada pihak lain.

Umno, katanya, ditubuhkan pada satu asas yang paling teguh dengan agenda-agenda yang jelas dan pragmatik, merangkumi aspek agama, bangsa dan tanah air.

Sebagai seorang pengamal dan pengamat politik yang matang, Wan Mokhtar sangsi dengan keupayaan gagasan parti-parti pembangkang yang dipelopori Keadilan untuk bertahan lama kerana wujudnya perbezaan ketara daripada segi dasar dan ideologi di antara parti pimpinan Wan Azizah itu dengan parti-parti pembangkang yang lain serta dasar "tiada kompromi" PAS dalam soal menegakkan sebuah negara Islam di Malaysia.

Berasaskan senario itu, kemunculan Keadilan dilihat oleh banyak pemerhati sebagai lebih menguntungkan BN kerana ia akan menyebabkan undi atau sokongan kepada parti-parti pembangkang berpecah belah.

Senarionya mungkin akan berubah hanya jika Keadilan, DAP, PRM dan PBS sanggup menerima syarat PAS menjadikan Islam dasar pemerintahan negara, sesuatu yang boleh diibarat seperti menunggu kucing bertanduk.

Tanpa PAS bersama-samanya, pemerhati yakin Keadilan juga kelak akan menerima nasib serupa dengan Parti Negara, Berjasa, Hamim, Akim dan Semangat 46.

Persoalannya sekarang, apakah PAS sanggup bersekongkol sekali lagi dengan sebuah parti serpihan Umno setelah melalui satu pengalaman yang agak pahit ketika "tidur sebantol" dengan S46 menerusi gagasan yang dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah antara 1990 dan 1996 dulu?

-- Bernama

AM